

**UOBM SHOPEE - PROMOSI 9.9**  
**TERMA & SYARAT**  
**UOBM KAD KREDIT DAN/ATAU KAD DEBIT**

**KELAYAKAN**

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") "**Shopee - Promosi 9.9**" ("Promosi") ini terbuka kepada semua Ahli Kad utama dan tambahan Kredit dan/atau Debit UOBM yang layak ("Ahli Kad") yang mempunyai akaun semasa, sah, yang wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM atas budi bicara mutlaknyanya.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit UOBM yang dikeluarkan di Malaysia ("Kad").
3. Promosi ini ditadbir oleh terma-terma dan syarat-syarat Shopee Malaysia ("Penganjur") seperti yang dinyatakan di [www.shopee.com.my](http://www.shopee.com.my).

**TEMPOH PROMOSI**

4. Tempoh Promosi ini bermula pada **27 Ogos 2018 hingga 13 September 2018** (kedua – dua tarikh termasuk) kecuali diberitahu sebaliknya ("Tempoh Promosi").

**MEKANIK PROMOSI**

5. Semasa Tempoh Promosi, Ahli Kad layak menikmati diskaun berikut dari Shopee Malaysia:

**Untuk pengguna Shopee baru: Diskaun RM7 dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM30 dalam satu resit**

- Sah untuk daftar keluar menggunakan Kad sahaja.
- Gunakan kod **UOBNEW** sebelum daftar keluar.
- Sah untuk 800 daftar keluar yang pertama.
- Sah di Kedai Rasmi & Penjual Pilihan sahaja.
- Sah untuk daftar keluar melalui Aplikasi Shopee.
- Tidak sah untuk formula bayi, makanan bayi & makanan tambahan, lampin dan potties, tiket dan baucar, tambah nilai mudah alih, kad SIM dan pembayaran bil.

**Sah untuk semua pengguna Shopee: Diskaun tambahan sebanyak 10% dihadkan pada minimum RM10 bagi setiap pesanan**

- Sah untuk daftar keluar menggunakan Kad sahaja.
- Gunakan kod **UOB10** sebelum daftar keluar.
- Sah untuk 1000 daftar keluar yang pertama.
- Sah di Kedai Rasmi & Penjual Pilihan sahaja.
- Sah untuk daftar keluar melalui Aplikasi Shopee.
- Tidak Sah untuk formula bayi, makanan bayi & makanan tambahan, lampin dan potties, tiket dan baucar, tambah nilai mudah alih, kad SIM dan pembayaran bil.

**TERMA DAN SYARAT AM**

6. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa pindaan dan / atau perubahan kepadanya, terma dan syarat Perjanjian UOBM Visa / MasterCard dan Terma dan Syarat-syarat Kad Debit MasterCard UOBM.

7. Keputusan Penganjur dan/atau UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Ahli Kad. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada Ahli Kad tidak akan dilayan.
8. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Promosi yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
9. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung dari Promosi kecuali jika timbul daripada kecuaiannya UOBM atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Promosi yang terkandung di sini.
10. UOBM tidak bergabung dengan Penganjur dan tidak membuat perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti barangan dan / atau produk dan / atau yang dibekalkan oleh Penganjur.
11. UOBM tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan atau ketidakpuasan hati terhadap kualiti barang dan/atau produk dan/atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh pihak Penganjur.
12. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
13. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
14. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM Promosi tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dilakukan oleh Ahli Kad sama ada hasil langsung atau tidak langsung pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
15. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlak, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun.
16. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**TAMAT**